

02 DEC 1999

MAHATHIR-AEROANGKASA

DR M: INDUSTRI AEROANGKASA TEMPATAN KINI DITERIMA DI PERINGKAT ANTARABANGSA

LANGKAWI, 2 Dis (Bernama) -- Industri aeroangkasa tempatan kini memperolehi pengiktirafan antarabangsa apabila lebih banyak syarikat dikontrakkan untuk bekerja untuk pengeluar-pengeluar rangka udara utama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata, "Pusat pengeluaran aeroangkasa kita telah dapat mencapai pengiktirafan antarabangsa dengan tempahan-tempahan kini lebih AS40 juta."

Katanya syarikat-syarikat besar itu menerima jenis kualiti kerja yang dibuat di sini dan mereka sanggup membiarkan pengeluar Malaysia membuat sesetengah daripada kerja yang lebih canggih itu.

"Pengeluar-pengeluar itu mempunyai kepercayaan terhadap jenis kerja yang dilakukan di sini," katanya.

Satu contoh ialah pembesaran pesawat udara pengangkutan taktikal Hercules C-130 Lockheed, beliau memberitahu persidangan akhbar selepas melancarkan Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) di Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri di sini.

"Ini sedang dilakukan sekarang di dua pusat di seluruh dunia selain daripada di Lockheed sendiri... kita punya adalah pusat yang ketiga seumpamanya dan bagi peningkatan taraf avionik kita akan menjadi yang pertama," katanya.

Pameran enam hari Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) bermula 30 Nov. Bahagian maritim dianjurkan oleh HW LIMA manakala bahagian aeroangkasa diuruskan oleh LIMA Le Proton.

Pameran itu, yang menarik kira-kira 1,000 buah syarikat tempatan, serantau dan antarabangsa, dirasmikan semalam oleh Dr Mahathir.

Semasa lawatan ke syarikat-syarikat aeroangkasa Malaysia di pameran itu, perdana menteri berjaya mendaratkan pesawat turbo prop PC-7 di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Beliau berada di dalam kokpit sebuah simulator imej berkomputer.

Terdahulu di dalam ucapannya semasa pelancaran MAIA, Dr Mahathir berkata skop kerja sektor pengeluaran aeroangkasa negara telah berkembang dengan hebat daripada alat-alat pesawat kecil kepada lebih besar dan alat-alat lebih kompleks.

Katanya asas pelanggan antarabangsa Malaysia juga turut berkembang dan kini meliputi keseluruhan bidang, termasuk pesawat ketenteraan dan komersil, kelengkapan angkasa dan satelit.

Dr Mahathir berkata Malaysia telah melipat gandakan aktivitinya dalam pembangunan keupayaan yang merangkumi Program Perluasan Hayat Sturktural atau Perkhidmatan, Peningkatan Taraf dan Ubahsuai Sistem, Peningkatan Taraf Avionik dan Integrasi Sistem, dan Kaedah Pembesaran Pesawat Udara.

Semua ini, katanya adalah trend akan datang kerana kos memiliki pesawat baru di masa depan menjadi semakin mahal, jikapun tidak melambung, dan banyak negara termasuk Barat kini melanjutkan hayat perkhidmatan pesawat mereka sekarang melalui program seumpamanya.

"Ia adalah juga strategik daripada segi bahawa sekiranya kita sendiri memerlukan program seumpama itu bagi Tentera Udara Diraja Malaysia atau Pasukan Bersenjata, maka kepakaran telahpun sedia ada dan boleh didapati di negara ini," tambah beliau.

-- BERNAMA

GM SHY OS